



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

VERSI ATAS TALIAN  
TEKS CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

---

## **Akta 424**

## **AKTA SURAT KUASA WAKIL 1949**

*Sebagaimana pada 1 Februari 2013*

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara bagi *Powers of Attorney Act 1949* sebagaimana disemak dalam tahun 1989. Melainkan dan sehingga ditetapkan sebagai sah di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.

## **AKTA SURAT KUASA WAKIL 1949**

Pertama kali diperbuat ... .. 1949 (Ord. No.64  
tahun 1949)

Disemak ... .. 1990 (Akta 424 m.b.p  
31 Mac 1990)

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 424

### AKTA SURAT KUASA WAKIL 1949

---

#### SUSUNAN SEKSYEN

---

##### Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Pengesahan surat kuasa wakil
4. Pendepositan surat kuasa wakil
5. Pembatalan
6. Surat kuasa wakil diberi untuk mendapatkan balasan berharga
7. Surat kuasa wakil dinyatakan sebagai tidak boleh batal bagi suatu masa yang ditetapkan
8. Pembayaran oleh wakil di bawah surat kuasa tanpa notis tentang kematian, dsb., adalah baik
9. Pendaftaran surat kuasa wakil dan pemeriksaan daftar
10. Salinan pejabat
11. Salinan pejabat sebagai keterangan
12. Carian
13. Butir kena dimajukan ke Kuala Lumpur untuk direkodkan
14. Kaedah-kaedah
15. Pemansuhan

#### JADUAL PERTAMA

#### JADUAL KEDUA



## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 424

#### AKTA SURAT KUASA WAKIL 1949

Surat Akta berhubungan Surat Kuasa Wakil.

[1 Januari 1950, L.N. 632/1949]

#### Tajuk ringkas dan pemakaian

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Surat Kuasa Wakil 1949.

(2) Akta ini hendaklah terpakai bagi Negeri-Negeri dalam \*Semenanjung Malaysia sahaja.

#### Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Pentadbir Tanah” ertinya Pentadbir Tanah yang dilantik di bawah Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*] atau seorang pegawai yang setara, tidak kira apa jua gelarannya, dalam sesuatu Negeri yang dilantik menurut undang-undang berhubungan dengan tanah yang berkuat kuasa dalam Negeri itu;

“Pendaftar” dan “Penolong Kanan Pendaftar” ertinya Pendaftar dan Penolong Kanan Pendaftar atau Penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi.

---

\*CATATAN—Semua sebutan mengenai “Malaysia Barat” hendaklah ditafsirkan sebagai “Semenanjung Malaysia”—lihat Akta Tafsiran (Pindaan) 1997 [*Akta A996*], subseksyen 5(2).

**Pengesahan surat kuasa wakil**

3. (1) Tiada surat cara yang dikatakan mewujudkan surat kuasa wakil yang disempurnakan selepas mula berkuatkuasanya Akta ini boleh mempunyai apa-apa keesahan untuk mewujudkan kuasa tersebut di \*Semenanjung Malaysia melainkan—

(a) jika disempurnakan di \*Semenanjung Malaysia, surat cara itu disempurnakan sebelum, dan disahkan dalam borang yang sesuai yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Akta ini oleh—

- (i) seorang Majistret; atau
- (ii) seorang Jaksa Pendamai; atau
- (iii) seorang Pentadbir Tanah; atau
- (iv) seorang Notari Awam; atau
- (v) seorang Pesuruhjaya Sumpah; atau
- (vi) seorang peguam bela dan peguam cara; atau
- (vii) seorang pegawai, yang bertindak dalam perjalanan penggajiannya, di suatu syarikat yang menjalankan perniagaan bank di \*Semenanjung Malaysia dan diperbadankan oleh atau yang menurut mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di \*Semenanjung Malaysia; atau

(b) jika disempurnakan di luar \*Semenanjung Malaysia, penyempurnaan surat cara itu disahkan, dalam apa-apa borang yang boleh diterima oleh Pendaftar, oleh—

- (i) seorang Notari Awam; atau
- (ii) seorang Pesuruhjaya Sumpah; atau
- (iii) mana-mana Hakim; atau

---

\*CATATAN—Semua sebutan mengenai “Malaysia Barat” hendaklah ditafsirkan sebagai “Semenanjung Malaysia” – lihat Akta Tafsiran (Pindaan) 1997 [Akta A996], subseksyen 5(2).

- (iv) seorang Majistret; atau
- (v) seorang Konsul British atau Naib Konsul British; atau
- (vi) seorang wakil Baginda Queen Britain; atau
- (vii) pada dan selepas Hari Merdeka, mana-mana Pegawai Konsular Malaysia; atau
- (viii) dalam hal suatu surat cara yang disempurnakan di Arab Saudi, Pesuruhjaya Ziarah Malaysia; atau
- (ix) dalam hal suatu surat cara yang disempurnakan di Republik Singapura, seorang peguam bela dan peguam cara Mahkamah Agung Republik itu; atau seorang pegawai yang bertindak dalam perjalanan pengajiannya, di suatu syarikat yang menjalankan perniagaan bank di Republik itu, dan diperbadankan oleh atau menurut mana-mana undang-undang bertulis Republik itu.

(2) Walau apa pun apa-apa jua peruntukan sebaliknya yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa pada permulaan Akta ini, suatu surat cara yang dikatakan mewujudkan surat kuasa wakil yang telah disempurnakan dengan wajar dan disahkan mengikut seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai telah disempurnakan dan diakusaksikan dengan patut dan sah bagi semua atau apa-apa maksud yang untuknya suatu surat kuasa wakil boleh digunakan di bawah mana-mana undang-undang bertulis tersebut.

### **Pendepositan surat kuasa wakil**

4. (1) Kecuali sebagaimana diperuntukkan kemudian daripada ini tiada surat cara yang mewujudkan suatu surat kuasa wakil boleh, selepas mula berkuatkuasanya Akta ini, mempunyai apa-apa kesahan untuk mewujudkan apa-apa kuasa di \*Semenanjung Malaysia sehingga—

---

\*CATATAN—Semua sebutan mengenai “Malaysia Barat” hendaklah ditafsirkan sebagai “Semenanjung Malaysia” – lihat Akta Tafsiran (Pindaan) 1997 [Akta A996], subseksyen 5(2).

- (a) suatu salinan benar surat cara tersebut yang dibandingkan dengan wajar dengannya dan ditandakan oleh Penolong Kanan Pendaftar dengan perkataan “salinan benar”; atau
- (b) jika surat cara yang asal dideposit di pejabat pendaftaran Mahkamah Agung di Singapura, suatu salinan pejabat surat cara tersebut,

telah dideposit dalam pejabat Penolong Kanan Pendaftar.

### **Terjemahan**

(2) Jika suatu salinan benar atau salinan pejabat surat cara itu yang telah dideposit sedemikian adalah dalam apa-apa bahasa selain bahasa kebangsaan atau Bahasa Inggeris maka hendaklah pada masa yang sama dideposit juga suatu terjemahannya ke bahasa kebangsaan atau Bahasa Inggeris yang diperakui oleh seorang jurubahasa yang bertugas di Mahkamah yang berkelayakan untuk menterjemah bahasa dalam mana surat cara itu ditulis, atau, jika tiada jurubahasa sedemikian, suatu terjemahan ke dalam bahasa kebangsaan atau Bahasa Inggeris yang ditentusahkan oleh suatu akuan berkanun oleh seorang yang berkelayakan untuk menterjemah daripada bahasa dalam mana surat cara itu ditulis ke Bahasa Inggeris, yang kesannya ialah bahawa terjemahan tersebut adalah suatu terjemahan yang sebenarnya sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya.

### **Fi**

(3) Hendaklah kena dibayar berkenaan dengan pendepositan dokumen di bawah seksyen ini apa-apa fi sebagaimana yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

### **Kecualian**

(4) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi surat cara yang disempurnakan dan digunakan semata-mata bagi maksud menjalankan transaksi dalam pejabat seorang Pendaftar Hakmilik atau seorang Pentadbir Tanah atau Ketua Inspektor atau Inspektor



Kanan bagi Lombong, dengan syarat ia diaku saksi mengikut mana-mana undang-undang yang pada masa itu sedang berkuat kuasa mengenai pengakusaksian surat cara yang sedemikian.

## **Pembatalan**

5. Tiap-tiap surat cara yang dikatakan mewujudkan suatu surat kuasa wakil yang suatu salinan benar atau salinan pejabatnya telah dideposit dalam pejabat Pendaftar atau Penolong Pendaftar mengikut Akta ini atau mana-mana undang-undang yang dimansuhkan oleh Akta ini, sama ada sebelum atau selepas mula berkuatkuasanya Akta ini, hendaklah, setakat mana yang surat cara tersebut adalah sah dan boleh serasi dengan terma surat cara sedemikian, terus berkuat kuasa sehingga notis secara bertulis tentang pembatalannya oleh pemberi, atau tentang penolakannya oleh penerima telah dideposit dalam tiap-tiap pejabat di mana salinan pejabat atau salinan benarnya telah dideposit, atau sama ada pemberi atau penerima telah mati atau penerima telah menjadi tidak sempurna akal, atau pemberi telah dihakimi sebagai tidak sempurna akal atau suatu perintah penerimaan telah dibuat terhadapnya dalam kebangkrapan.

## **Surat kuasa wakil diberikan untuk mendapatkan balasan berharga**

6. (1) Jika suatu surat kuasa wakil, yang diberikan untuk mendapatkan balasan berharga, adalah dinyatakan dalam surat cara yang mewujudkan kuasa itu sebagai tidak boleh batal, dengan demikian, bagi kemudahan seorang pembeli—

- (a) kuasa itu tidak boleh dibatalkan pada bila-bila masa, sama ada melalui apa-apa pun yang dilakukan oleh pemberi kuasa tanpa mendapat persetujuan penerima kuasa itu, atau dengan kematian, perkahwinan, kecelaruan mental, tidak sempurna akal, atau kebangkrapan pemberi kuasa; dan
- (b) apa-apa perbuatan yang dilakukan pada bila-bila masa oleh penerima kuasa, pada menjalankan kuasa itu, adalah sah seolah-olah ia adalah apa-apa pun yang dilakukan oleh pemberi kuasa tanpa mendapat persetujuan penerima kuasa, atau kematian,

perkahwinan, kecelaruan mental, tidak sempurna akal, atau kebangkrapan pemberi kuasa itu, telah tidak dilakukan atau terjadi; dan

- (c) penerima kuasa, mahupun pembeli, tidak boleh pada bila-bila masa mendapat kesan mudarat oleh notis tentang apa-apa pun yang dilakukan oleh pemberi kuasa, tanpa persetujuan penerima kuasa itu, atau kematian, perkahwinan, kecelaruan mental, tidak sempurna akal, atau kebangkrapan pemberi kuasa itu.

(2) Seksyen ini terpakai kepada surat kuasa wakil yang diwujudkan oleh surat cara yang disempurnakan sama ada sebelum atau selepas mula berkuatkuasanya Akta ini.

### **Surat kuasa wakil yang dinyatakan sebagai tidak boleh batal bagi suatu masa yang ditetapkan**

7. Jika suatu surat kuasa wakil, sama ada yang diberikan untuk mendapatkan balasan berharga atau tidak, adalah dinyatakan dalam surat cara yang mewujudkan kuasa itu sebagai tidak boleh batal bagi suatu masa yang ditetapkan di dalamnya, dengan demikian, bagi kemudahan seorang pembeli—

- (a) kuasa itu tidak boleh dibatalkan, bagi dan dalam masa yang ditetapkan itu, sama ada dengan apa-apa pun yang dilakukan oleh pemberi kuasa tanpa persetujuan penerima kuasa, atau dengan kematian, perkahwinan, kecelaruan mental, tak sempurna akal, atau kebangkrapan pemberi kuasa itu;
- (b) apa-apa perbuatan yang dilakukan dalam masa yang ditetapkan itu, oleh penerima kuasa, pada menjalankan kuasa itu, adalah sah seolah-olah ia adalah apa-apa pun yang dilakukan oleh pemberi kuasa tanpa persetujuan penerima kuasa atau kematian, perkahwinan, kecelaruan mental, tidak sempurna akal, atau kebangkrapan pemberi kuasa, telah tidak dilakukan atau terjadi; dan
- (c) penerima kuasa, mahu pun pembeli, tidak boleh pada bila-bila masa mendapat kesan mudarat oleh notis sama ada alam masa atau selepas masa yang ditetapkan itu

tentang apa-apa pun yang dilakukan oleh pemberi kuasa dalam masa yang ditetapkan itu, tanpa persetujuan penerima kuasa, atau kematian, perkahwinan, kecelaruan mental, tidak sempurna akal, atau kebangkrapan pemberi kuasa dalam masa yang ditetapkan itu.

**Pembayaran oleh wakil di bawah surat kuasa tanpa notis tentang kematian, dsb., adalah baik**

8. (1) Mana-mana orang yang membuat atau melakukan apa-apa pembayaran atau bertindak dengan suci hati pada menjalankan suatu surat kuasa wakil tidak bertanggung berkeenaan dengan pembayaran atau tindakan itu atas sebab sebelum pembayaran atau tindakan itu pemberi kuasa telah mati atau menjadi kecelaruan mental atau tidak sempurna akal atau bankrap atau telah membatalkan kuasa itu jika fakta kematian, kecelaruan mental, tidak sempurna akal, kebangkrapan, atau pembatalan itu tidak diketahui oleh orang yang membuat atau melakukannya pada masa pembayaran atau tindakan itu dibuat.

(2) Seksyen ini tidak menjejaskan apa-apa hak terhadap penerima wang mana-mana orang yang berkepentingan dalam wang yang dibayar itu dan orang itu hendaklah mempunyai remedi yang sama terhadap penerima wang itu sebagaimana yang dia akan dapat terhadap pembayar jika pembayaran itu telah tidak dibuat olehnya.

**Pendaftaran surat kuasa wakil dan pemeriksaan daftar**

9. Suatu fail yang berasingan bagi dokumen yang dideposit mengikut seksyen 4 hendaklah disimpan oleh tiap-tiap Penolong Kanan Pendaftar, yang akan mencatatkan dalam suatu daftar yang disimpan bagi maksud itu butiran ringkas setiap dokumen sedemikian bersama-sama dengan apa-apa pembatalan yang kemudiannya atau penamatan lain yang dia hendaklah telah mendapat notis, dan mana-mana orang boleh, semasa waktu kerja yang biasa, selepas pembayaran fi yang ditetapkan, membuat carian ke atas daftar dan fail tersebut dan memeriksa apa-apa dokumen yang dideposit sedemikian, dan suatu salinan pejabat dokumen itu hendaklah diserahkan padanya atas permintaannya dan selepas pembayaran fi yang ditetapkan.

**Salinan pejabat**

**10.** Suatu salinan apa-apa dokumen yang dideposit mengikut seksyen 4 boleh dikemukakan di pejabat di mana dokumen sedemikian dideposit dan boleh, selepas penentusahan dan atas pembayaran fi yang ditetapkan, ditandakan oleh Penolong Kanan Pendaftar sebagai suatu salinan yang diperakui dan apabila ditandakan sedemikian adalah menjadi dan merupakan suatu salinan pejabat dokumen tersebut.

**Salinan pejabat sebagai keterangan**

**11.** Suatu salinan pejabat apa-apa dokumen yang dideposit mengikut seksyen 4 hendaklah, apabila ditandakan sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen terdahulu yang akhir, tanpa bukti lanjut menjadi keterangan yang mencukupi bagi isi kandungan dokumen tersebut dan pendepositannya dalam pejabat Penolong Pendaftar.

**Carian**

**12.** Pendaftar dan tiap-tiap Penolong Kanan Pendaftar hendaklah, atas permohonan yang dibuat sama ada secara lisan atau bertulis dan mana-mana orang yang berhasrat mendapatkan maklumat berkenaan mana-mana dokumen tertentu yang dideposit dalam pejabat Pendaftar atau Penolong Kanan Pendaftar tersebut atau tentang pendepositan atau selainnya suatu dokumen berkenaan apa-apa maksud tertentu dan atas pembayaran fi yang ditetapkan, memberi, setakat kemampuannya, kepada orang sedemikian, maklumat yang dipohon:

Dengan syarat sentiasanya bahawa apa-apa salinan dokumen yang dibekalkan bagi maksud memberi maklumat berkenaan hendaklah dibayar secara berasingan di bawah seksyen 9.

**Butiran hendaklah dimajukan ke Kuala Lumpur untuk direkodkan**

**13.** (1) Tiap-tiap Penolong Kanan Pendaftar hendaklah, dengan serta-merta selepas membuat apa-apa catatan dalam daftarnya di bawah seksyen 9, menghantar kepada Pejabat Pendaftaran

Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur suatu salinan yang telah ditentusahkan bagi catatan tersebut.

(2) Pendaftar hendaklah menyimpan di Kuala Lumpur suatu daftar bagi semua butir yang dihantar kepadanya di bawah subseksyen (1), dan mana-mana orang boleh, semasa waktu kerja yang biasa dan atas pembayaran fi yang ditetapkan, membuat carian di daftar tersebut dan mengambil suatu salinan apa-apa butir yang direkodkan di dalamnya.

## **Fi**

**14.** Jawatankuasa Kaedah yang ditubuhkan oleh Akta Mahkamah Keadilan 1964 [*Akta 91*], bolehdari semasa ke semasa membuat kaedah-kaedah di bawah dan mengikut Akta itu bagi—

(a) menetapkan fi yang akan dicajkan di bawah Akta ini; dan

(b) menetapkan caj yang akan dibuat bagi pengakusaksian sesuatu surat cara yang mewujudkan surat kuasa wakil di bawah seksyen 3.

## **Pemansuhan**

**15.** (1) Ordinan dan Enakmen yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Jadual Kedua adalah dengan ini dimansuhkan setakat mana yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual.

(2) Pemansuhan tersebut tidak menjejaskan kesahan—

(a) mana-mana surat kuasa wakil yang disempurnakan sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini di bawah dan mengikut mana-mana undang-undang sedemikian tetapi surat kuasa wakil tersebut hendaklah, jika didaftarkan, disifatkan sebagai didaftarkan di bawah

Akta ini atau, jika tidak didaftarkan sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini, boleh didaftarkan dengan mendepositkan dengan Penolong Kanan Pendaftar suatu salinan benar atau salinan pejabat mengikut mana-mana yang berkenaan di bawah seksyen 4 dan ia

hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan atau selainnya ditamatkan di bawah Akta ini;

(b) apa-apa tindakan atau pembayaran yang dilakukan atau dibuat sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini yang sah pada masa ia dilakukan atau dibuat di bawah atau menurut kuasa mana-mana Ordinan atau Enakmen yang dimansuhkan.

(3) Jika mana-mana surat kuasa wakil telah, sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini, dideposit di pejabat Pendaftar atau Penolong Kanan Pendaftar mengikut Ordinan atau Enakmen yang dimansuhkan tersebut, seksyen 10, 11 dan 12 adalah terpakai seolah-olah dokumen tersebut adalah suatu dokumen yang dideposit mengikut seksyen 4 dan jika dokumen tersebut telah dideposit di pejabat Pendaftar, Pendaftar hendaklah mempunyai kuasa seorang Penolong Kanan Pendaftar di bawah seksyen 10.

---

JADUAL PERTAMA

(Seksyen 3)

BORANG 1

BORANG PENGESAHAN DALAM HAL SURAT KUASA WAKIL YANG  
DISEMPURNAKAN OLEH SEORANG INDIVIDU

Saya ..... (Majistret, Jaksa Pendamai,  
Pentadbir Tanah, Notari Awam, Pesuruhjaya Sumpah, Pegawai Bank *atau* Peguam  
bela dan Peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya) yang bertugas [*atau*  
menjalankan amalan] di ..... dengan ini  
memperakui bahawa tandatangan pemberi yang dinamakan di atas telah ditulis  
cap ibu jari ..... dicap  
dalam kehadiran saya pada ..... hari bulan.....19....., dan adalah  
dalam pengetahuan saya sendiri, [*atau* menurut maklumat yang diberikan kepada  
saya oleh orang yang boleh dipercayai dan dihormati, iaitu.....  
di  
alamat.....  
dan.....di  
alamat..... yang  
maklumatnya saya percaya sesungguhnya,] tandatangan yang betul yang telah  
cap ibu jari  
memaklumkan kepada saya bahawa dia telah cukup umur dan bahawa dia telah  
belum  
menyempurnakan surat cara ini secara sukarela.

*Tandatangan saya sebagai saksi.....*

## BORANG II

BORANG PENGESAHAN DALAM HAL SURAT KUASA WAKIL YANG  
DISEMPURNAKAN OLEH SYARIKAT ATAU PERBADANAN

Saya.....(Majistret, Jaksa  
Pendamai, Pemungut Hasil Tanah, Notari Awam, Pesuruhjaya Sumpah, Pegawai  
Bank *atau* Peguam bela dan Peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya) yang  
bertugas [*atau* menjalankan amalan] di .....

.....  
dengan ini memperakui bahawa pada..... hari bulan.....19.....,  
meterai biasa (*nyatakan nama syarikat atau perbadanan*) telah dicapkan dengan  
wajar pada surat cara yang tertulis di atas dalam kehadiran saya mengikut  
peraturan-peraturan Syarikat tersebut.  
Perbadanan

*Tandatangan saya sebagai saksi*.....

## JADUAL KEDUA

(Seksyen 15)

## PEMANSUHAN

(1) No.	(2) Tajuk	(3) Takat Pemansuhan
N.M.B. Bab 66	Enakmen Surat Kuasa Wakil	Keseluruhannya
Enakmen Johor No.18	Enakmen Surat Kuasa Wakil	Keseluruhannya
Enakmen Kedah No.81	Enakmen No.81 (Surat Kuasa Wakil)	Keseluruhannya
Enakmen Kelantan No. 8 tahun 1931	Enakmen Surat Kuasa Wakil, 1931	Keseluruhannya
Enakmen Terengganu No. 36 tahun 1356	Enakmen Surat Kuasa Wakil	Keseluruhannya
N.S Bab 118	Ordinan Pemindahhakan dan Undang-Undang Harta	Bahagian X



**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 424****AKTA SURAT KUASA WAKIL 1949**

## SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Ord. 15/55	Ordinan Surat Kuasa Wakil (Pindaan) 1955	20-04-1955
P.U. 332/1958	Perintah Perlembagaan Persekutuan (Pengubahsuaian Undang- Undang (Ordinan-Ordinan dan Perisytiharan- Perisytiharan)) 1958	13-11-1958
Akta 2/63	Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Penang dan Melaka) 1963	01-01-1966
Akta A587	Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1984	25-03-1985

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****AKTA 424****AKTA SURAT KUASA WAKIL 1949****SENARAI PINDAAN**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	L.N. 332/1958	13-11-1958
3	Ord. 15/1955 L.N. 332/1958	20-04-1955 13-11-1958
Keseluruhan Akta	Akta 2/1963 Akta A587	01-01-1966 25-03-1985

---